

Headline	Masyarakat sudah mula terima penjelasan GST		
MediaTitle	Kosmo		
Date	18 Mar 2014	Language	Malay
Circulation	115,967	Readership	406,000
Section	Negara	Color	Full Color
Page No	14	ArticleSize	223 cm ²
AdValue	RM 1,939	PR Value	RM 5,817



Masyarakat sudah mula terima penjelasan GST

SUHANA MD. YUSOP

PUTRAJAYA – Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) akan terus memberi penerangan kepada orang ramai mengenai pelaksanaan cukai perkhidmatan dan barangan (GST) melalui pelbagai inisiatif.

Ketua Pengarahnya, Datuk Seri Khazali Ahmad berkata, usaha tersebut adalah untuk memastikan GST dapat dilaksanakan pada 1 April 2015 seperti yang dirancang kerajaan.

Beliau berkata, secara umum, masyarakat telah mula menerima sistem cukai yang bakal diperkenalkan kerajaan itu kerana GST lebih menguntungkan pengguna.

“Berdasarkan ceramah dan pelbagai pendekatan sebelum ini, tahap penerimaan masyarakat terhadap GST menunjukkan perkembangan positif, namun kita akui bahawa setiap masyarakat mempunyai pandangan berbeza mengenai cukai berkenaan.

“Apa yang pasti adalah JKDM akan terus memberi penerangan kepada masyarakat mengenai GST melalui beberapa pendekatan seperti sesi ceramah, iklan di media massa dan pendedaran risalah,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang



KHAZALI (kiri) bertukar dokumen perjanjian usaha sama dengan Mohamed Mustafa di Putrajaya semalam.

akhbar selepas menandatangani perjanjian usaha sama Program Kursus Ejen Kastam dan Ejen Perkapalan antara JKDM dan Universiti Utara Malaysia (UUM) di sini semalam.

Turut hadir Naib Canselor UUM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Mustafa Ishak.

Menurut Khazali, hasil maklum balas yang diterima JKDM ketika ini, bukan sahaja orang ramai atau pengguna telah mula menerima GST, malah para peniaga juga turut bersetuju dengan pelaksanaannya.

Sementara itu, mengulas mengenai Program Kursus Ejen Kastam dan Ejen Perkapalan antara JKDM dan UUM, Khazali berkata, program berkenaan telah memasuki fasa kedua selepas kejayaan fasa pertama dari tahun 2008 hingga 2013.

Katanya, program berkenaan antara lain bertujuan untuk melatih ejen kastam dan ejen perkapalan dalam mematuhi setiap prosedur kerja melibatkan transaksi dengan agensi kerajaan.